

14 MAR 2003

MALAYSIA-BERSAING/I

M'SIA MASIH MERUPAKAN PINTU MASUK BOLEH BERSAING KE ASEAN BAGI JEPUN

Oleh: Simon Lhasa

FUKUOKA, 14 Mac (Bernama) - Malaysia masih menawarkan satu pintu masuk yang boleh bersaing bagi syarikat-syarikat Jepun untuk memasuki pasaran Asean, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Malaysia yang kaya dengan sumber-sumber dan mempunyai prasarana yang baik, stabil di segi politik serta diuruskan oleh undang-undang perlindungan pelaburan komprehensif termasuk perlindungan hak harta intelek, katanya.

Syarikat-syarikat Jepun di Malaysia boleh turut mendapat faedah daripada prospektif Kawasan Perdagangan Bebas Asean-Jepun, katanya ketika berucap di seminar "Peluang-peluang Perniagaan di Malaysia" di sini hari ini.

Para pemimpin Asean dan Jepun juga bersetuju mengenai Perkongsian Ekonomi Komprehensif yang ditandatangani di Sidang Kemuncak Pemimpin Asean-Jepun dalam bulan Nov tahun lepas di Kampuchea, katanya.

Katanya, sejak 1 Jan, 2003, sejumlah 44,390 atau 98.9 peratus produk enam negara asal Asean telah dimasukkan ke dalam senarai Skim Keistimewaan Tarif Berkesan Sama Rata (CEPT).

Dengan itu, purata gabungan kadar tarif bagi Asean di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean telah dikurangkan kepada 3.2 peratus dalam 2003, katanya, sambil menjelaskan Asean mensasarkan untuk menghapuskan cukai atas semua produknya menjelang 2010 bagi kesemua enam negara asal.

Di samping itu, Rafidah berkata, Malaysia dan Jepun turut membincangkan kemungkinan ditandatangani satu Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala di dalam kerangka Perjanjian Perkongsian Ekonomi Yang Lebih Rapat ekoran daripada satu mesyuarat antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi.

Cadangan FTA itu merangkumi liberalisasi perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan; perdagangan dan memudahkan promosi pelaburan; dan langkah-langkah kerjasama berkaitan perdagangan dan pelaburan, katanya.

Mengulas mengenai misi perdagangan dan pelaburan ke Fukuoka, Rafidah berkata, ianya adalah jaminan semula yang kena pada masanya kepada masyarakat perniagaan di wilayah Kyushu bahawa ekonomi Malaysia berterusan mengembang secara positif walaupun terdapat perkembangan negatif secara global.

Jepun adalah sumber kedua besar pelaburan terus asing bagi Malaysia dari 1998 ke 2002 dengan jumlah 616 projek dan pelaburan modal berjumlah US\$2.6 billion.

Di dalam 2002, Jepun adalah rakan perdagangan ketiga terbesar Malaysia selepas Asean dan AS, terdiri daripada 14.2 peratus perdagangan global Malaysia berjumlah US\$173.1 billion. -- BERNAMA

MSL SD AHM